

23 NOV 1998
Gore-Bantah/I
WISMA PUTRA PANGGIL DUTA AMERIKA SYARIKAT

KUALA LUMPUR, 23 Nov (Bernama) -- Kementerian Luar hari ini memanggil duta Amerika Syarikat (AS) ke Malaysia John R. Malott untuk mendengar pandangan Malaysia berhubung kenyataan Naib Presiden AS Al Gore yang menyokong gerakan "Reformasi" anti kerajaan.

"Kita mengulangi pendirian Malaysia bahawa ucapan Gore itu merupakan hasutan dan bukan gesaan berkaitan demokrasi sebagaimana didakwa . . .," kata Setiausaha Rendah Wisma Putra Datuk John Tenewi Nuek kepada Bernama semasa dihubungi di sini.

Nuek berkata beliau telah memanggil Malott ke Wisma Putra pada pukul 11.30 pagi hari ini untuk "melahirkan pandangan kita" mengenai kenyataan Malott dalam satu temuramah dengan akhbar "Star" baru-baru ini mengenai ucapan Gore.

Gore memuji pengikut bekas timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mengadakan tunjuk perasaan di jalan-jalan sebagai "berani" dalam ucapannya pada jamuan makan malam Majlis Penasihat Perniagaan Apec (Abac), di sini Isnin lepas.

Kenyataannya itu kemudian disahkan oleh "White House" dan turut menerima sokongan Presiden AS Bill Clinton.

Kenyataan Gore itu mencetuskan kemarahan rakyat Malaysia termasuk daripada para pemimpin politik dan perniagaan serta akhbar-akhbar tempatan dan asing.

Rakyat Malaysia yang marah membidas Gore kerana campur tangan dalam hal ehwal dalaman Malaysia.

Semalam, Dr Mahathir dipetik sebagai berkata rakyat Malaysia telah menyuarakan pendirian mereka berhubung kenyataan Gore, kerana mereka kesal dan terhina dengan kenyataannya (Gore) yang biadap itu.

Nuek berkata beliau memberitahu Malott bahawa rakyat Malaysia "terkejut" dengan kenyataan Malott yang seolah-olah mempersoalkan sistem demokrasi Malaysia.

Dalam temuramah pada 20 Nov, Malott semasa ditanya, adakah AS tidak menganggap Malaysia sebagai sebuah negara yang demokratik, telah berkata demokrasi tidak hanya dengan mengadakan pilihan raya.

Malott seterusnya menyakitkan lagi hati rakyat Malaysia dengan berkata bahawa "Stalin mengadakan pilihan raya (dan) Hitler pun mengadakan pilihan raya."

Nuek berkata Malaysia menolak idea Malott bahawa sebarang negara boleh memperkatakan apa sahaja mengenai negara lain.

"Idea seperti itu hanya akan mengarah kepada "undang-undang hutan" dalam hubungan antara negara-negara," katanya.

Nuek berkata beliau juga memberitahu Malott bahawa hubungan Malaysia-AS kekal "amat bebas dan berpotensi penuh untuk diperluaskan lagi."

Malott telah berkata bahawa orang ramai akhirnya akan faham juga bahawa hubungan dua hala adalah "lebih baik daripada apa yang mereka fikirkan."

"Dalam jangka masa panjang, tiada apa yang dapat saya katakan selain amat optimistik dengan hubungan kita," duta itu dilaporkan sebagai berkata.

Sementara itu, Malott berkata kenyataan Gore telah ditafsirkan luar daripada konteks.

Katanya, orang ramai perlu berhati-hati semasa mentafsirkan apa yang Gore dan beliau (Malott) katakan.

"Saya faham isu ini telah mencetuskan banyak emosi dan saya berharap orang yang bertanggungjawab tidak mengapi-apikan emosi mereka," katanya

kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan Nuek.

Malott berkata Gore tidak ada niat untuk mencetuskan keganasan.

Katanya, AS tidak menyokong keganasan dan tidak menggunakan keganasan bagi mencapai kuasa politik.

--BERNAMA

ES RHM RI